





Karya Merdeka
Travel & Tours Sdn Bhd
凯雅旅游有限公司
1048973-U KPK/LN/7526

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
CBA04-BI**

7H4M

BEIJING + BRUNEI



**BIRD NEST STADIUM ADALAH STADIUM TERBESAR
DI BEIJING DAN LOKASI TERPENTING UNTUK
SUKAN OLIMPIK PADA TAHUN 2008.**

7H4M

BEIJING + BRUNEI

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL
TOUR CODE:
CBA04-BI
HARI 01 KUALA LUMPUR - BRUNEI - BEIJING

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Beijing.

HARI 02 BEIJING

MT/MM

Lawatan di **Beijing**:

- Melawat **Bird Nest Stadium** yang merupakan sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana rekabentuknya sangat unik seakan berbentuk sarang burung, di mana struktur luaran stadium diperbuat daripada besi keluli yang dianyam menghasilkan corak seperti jeriji.
- Berfoto di **Water Cube** yang merupakan salah satu lokasi acara Olimpik berbentuk kiub besar buih sabun dan kini telah diubahsuai menjadi taman air dan juga sebagai taman beriadah.
- Bersolat di masjid yang tertua di Beijing, **Niuje Mosque** yang dibina pada tahun 996 ketika Dinasti Liao. Senibina masjid ini merupakan seni campuran ukiran Islam dan kaum Han, dan disini ada disimpan kitab Al-Quran yang berusia lebih 300 tahun.
- Membeli-belah di **Muslim Supermarket**, dimana tetamu boleh mendapat barangan yang halal seperti rempah-ratus, sayur-sayuran, produk tenusu, roti dan juga kacang-kacang seperti buah berangan, almond dan lain-lain.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 03 BEIJING

SP/MT/MM

- Melawat **Tiananmen Square** yang merupakan sebuah dataran yang penuh dengan sejarah. Di sini terdapat binaan penting seperti Monument to the People's Heroes, Great Hall of the People dan Gate of Heavenly Peace selain Mausoleum of Mao Zedong dan National Museum of China.
- Forbidden City**: Kompleks istana berusia lebih 600 tahun yang dibina pada tahun 1406 semasa Dinasti Ming. Kota istana yang dikelilingi tembok setinggi 8m dan parit ini menjadi kediaman dan pusat pemerintahan maharaja China sehingga tahun 1924. Kompleks istana ini terbahagi kepada 2 bahagian; Outer dan Inner Court. Tetamu pastinya merasa kagum dengan senibina China sebaik sahaja melangkah masuk melalui Meridian Gate.
- Menunaikan solat di Masjid Tempatan.
- Burning Cream Center** adalah pusat yang khusus dalam menawarkan rawatan untuk masalah kulit, terutamanya yang berkaitan dengan luka bakar atau kecederaan kulit. Pusat ini menggunakan krim dan salap yang dirumus khas untuk mempercepatkan proses penyembuhan, serta rawatan herba tradisional Cina yang dipercayai dapat mengurangkan kesan kecederaan kulit.
- Menyaksikan persembahan penuh dengan ilusi, mistik dan mendedarkan di **Acrobatic Show** pada sebelah petang.
- Liangma River Night View** menawarkan suasana yang memukau dan menyenangkan. Sungai ini, yang terletak di kawasan timur bandar, dihiasi dengan lampu-lampu berwarna-warni yang mencerminkan cahaya pada permukaan air.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 04 BEIJING

SP/MT/MM

- Great Wall of China**: Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini dibina seawal kurun ke-7 sebelum masehi dan dipanjangkan oleh maharaja-maharaja yang memerintah negara China sehingga mencecah sepanjang 21,000 km. Tetamu akan dibawa melawat ke salah satu seksyen yang dipanggil Juyongguan Great Wall yang dibina oleh Dinasti Ming pada 1368. Di seksyen ini berlakunya banyak peperangan dan pertukaran dinasti kerana tembok Juyongguan ini dibina bagi mempertahankan kota Beijing. Di sini juga tetamu dapat menikmati pemandangan indah pergunungan Guangou dan sungai.
- Bersolat di masjid lama **Fayuan Mosque**, yang dibina ratusan tahun dahulu oleh Dinasti Qing.
- Herbal Medicine Center** sesuai untuk pengunjung yang mencari alternatif atau sokongan kepada rawatan perubatan moden. Tempat ini berfungsi sebagai tempat pendidikan, memperkenalkan pengunjung kepada prinsip-prinsip perubatan tradisional Cina dan khasiat herba untuk kesejahteraan.
- Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Wangfujing Street** yang merupakan kawasan membeli-belah yang terbesar dan paling terkenal di China yang wujud beratus tahun dahulu sejak dari zaman Dinasti Ming lagi. Pelbagai jenis kedai menjual barangan moden dan antik, gerai-gerai makanan selain pusat beli-belah Beijing Mall dan Beijing Department Store.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 05 BEIJING

SP/MT/MM

- Melawat **Summer Palace** yang dibina pada kurun ke-12 di sekitar Longevity Hill dan Kunming Lake ketika zaman Dinasti Yuan sebagai istana bersemayam musim panas bagi maharaja China. Istana ini mula dijadikan muzium sejak dari tahun 1914 lagi ketika pemerintahan maharaja terakhir China, Puyi. Diiktiraf sebagai taman istana terbesar di dunia, tetamu akan dapat menikmati pemandangan flora yang cantik dan panorama sekitar tasik yang megah. Antara tarikan di sini ialah Seventeen-Arch Bridge, Wenchang Pavilion, Foxiang Ge Tower dan Hall of Benevolence and Longevity.
- Melihat cara pembuatan batu jade yang menjadi perhiasan penting tradisi orang China di **Jade Shop Centre**.
- Menunaikan solat di Masjid Tempatan.
- Hang Qiao Market** adalah pasar tradisional yang terkenal di kalangan penduduk tempatan dan pelancong. Pasar ini menawarkan pelbagai produk, termasuk makanan segar, barangan harian, pakaian, dan cenderamata. Ia juga dikenali dengan suasana yang sibuk dan meriah, di mana pengunjung boleh merasai pengalaman membeli-belah yang autentik di Beijing.
- Nanluoguxiang Hutong Area** adalah kawasan bersejarah yang terletak di pusat Beijing, terkenal dengan lorong-lorong sempit tradisional Cina yang dipenuhi dengan pelbagai kedai, kafe, restoran, dan galeri seni.

Bermalam di **Beijing**.

- **798 Art Zone** adalah kawasan seni kontemporari yang terkenal, terletak di bekas kilang elektronik. Ia menawarkan galeri seni, pameran, kafe, dan kedai seni. Tempat ini menjadi pusat kreativiti, menghubungkan pelbagai bentuk seni, budaya, dan inovasi, menarik pelancong serta penggiat seni dari seluruh dunia.
- **Qianmen Culture Street** adalah kawasan yang terkenal dengan warisan budaya dan sejarah China. Terletak berhampiran dengan Dataran Tiananmen, jalan ini menampilkan bangunan tradisional yang dipulihara, kedai-kedai antik, restoran, dan tempat-tempat jualan barangan tempatan.
- Membeli-belah di **Xiushui Street** juga dikenali sebagai Silk Street. Sesuai namanya, kawasan ini terkenal menjual kain pakaian sutera dan di sini terdapat Silk Market yang setinggi 6 tingkat dengan lebih 1,000 buah kedai menjual pelbagai jenis barangan dan cenderamata selain sutera.
- Melawat **The Place** iaitu bangunan yang cukup terkenal dengan World's Largest LED Screen. Layar skrin LED ini digunakan untuk memaparkan pelbagai animasi termasuk berita, iklan dan visual artistik.

Menaiki penerbangan ke Bandar Seri Begawan

Tiba di Bandar Seri Begawan dan meneruskan lawatan:

- **Prime Minister Office, Parlimen dan Kompleks Menteri** (pass by).
- Bergambar di hadapan **Kampung Ayer** yang terbesar di dunia.
- Bergambar di hadapan **Masjid Omar Ali Saifuddein** merupakan salah satu masjid yang paling ikonik di Asia Tenggara. Dikenali dengan seni bina yang megah dan indah, masjid ini dibina pada tahun 1958 dan dinamakan sempena Sultan Omar Ali Saifuddien III, Sultan Brunei yang terkenal.
- Bergambar di hadapan **Istana Nurul Iman** yang terletak di Bandar Seri Begawan, Brunei, adalah istana rasmi Sultan Brunei. Ia dikenali sebagai istana terbesar di dunia, dengan luas lebih 200,000 meter persegi dan lebih 1,700 bilik. Istana ini menampilkan seni bina tradisional Melayu yang mewah dengan sentuhan moden, dan ia terletak di kaki Bukit Shahbandar, menghadap ke Sungai Brunei.
- Bergambar di hadapan **Masjid Jamek Asr Hassanil Bolkiah** dikenali dengan seni bina yang menakjubkan, masjid ini dibina pada tahun 1994 dan dinamakan sempena Sultan Hassanil Bolkiah, Sultan Brunei ke-29. Masjid ini memiliki kubah emas yang megah, serta menara tinggi dan reka bentuk yang menggabungkan elemen tradisional dan moden.
- Bergambar di hadapan **The Mall, Gadong** ia merupakan salah satu pusat beli-belah terbesar di negara ini, menawarkan pelbagai pilihan kedai, restoran, dan hiburan. Pengunjung boleh menemui barangan fesyen, elektronik, produk kecantikan, dan banyak lagi.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.



PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



FORBIDDEN CITY

Kompleks istana berusia lebih 600 tahun yang dibina pada tahun 1406 semasa Dinasti Ming. Kota istana yang dikelilingi tembok setinggi 8m dan parit ini menjadi kediaman dan pusat pemerintahan maharaja China sehingga tahun 1924.

2.



GREAT WALL OF CHINA

Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini dibina seawal kurun ke-7 sebelum masehi. Pelancong dapat menikmati pemandangan indah pergunungan Guangou dan sungai.

3.



BIRD NEST STADIUM

Sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana rekabentuknya sangat unik seakan berbentuk sarang burung.

4.



MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN

Masjid ini dibina pada tahun 1994 dan dinamakan sempena Sultan Hassanil Bolkiah, Sultan Brunei ke-29.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Beijing	4 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	BI 874	KUL - BWN	2115	2340
1	BI 623	BWN - PKX	0200	0725
7	BI 624	PKX - BWN	0030	0600
7	BI 873	BWN - KUL	1755	2025

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- **Shopping Compulsory:** Herb, Burning Cream & Jewelry Store.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.